

HAK TANAH ORANG ASLI: ISU-ISU HAK TANAH ORANG ASLI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

oleh

VIJEYASRI A/P RAMESH*

MAZLIZA MOHAMAD**

ABSTRAK

Masyarakat Orang Asli di Malaysia berada dalam posisi yang kurang bernasib baik jika dibandingkan dengan masyarakat bukan pribumi. Mereka sering menghadapi masalah pencabulan hak mereka sebagai penduduk Malaysia terutamanya dalam hak tanah. Objektif kajian ini adalah menganalisis isu-isu berkaitan hak tanah Orang Asli seperti diskriminasi dan kesan perampasan tanah Orang Asli kepada mereka. Di samping itu, perlindungan ataupun langkah-langkah yang diambil oleh badan berkuasa dalam menangani isu hak tanah Orang Asli dikenal pasti. Misalnya, konvensyen-konvensyen oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan badan-badan kerajaan di Malaysia yang dapat menyelesaikan isu hak Orang Asli ke atas tanah mereka. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu hak tanah Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Bahan rujukan seperti buku-buku, tesis, jurnal, artikel dan suratkhobar yang didapati dalam laman sesawang dirujuk. Menerusi kajian ini, dapat dirumuskan bahawa kes-kes penindasan terhadap hak Orang Asli meningkat. Oleh itu, beberapa saranan telah diketengahkan untuk menyelesaikan isu hak tanah ini. Antara saranannya

ialah meminda Akta Orang Asli 1954 dan Kanun Tanah Negara 1965 dan menerima undang-undang antarabangsa yang disediakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Orang Asli. Pengetahuan Orang Asli tentang hak-hak mereka ke atas tanah yang mereka duduki menerusi pendidikan juga perlu dipertingkatkan.

Kata kunci: Orang Asli, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Akta Orang Asli 1954

PENGENALAN

Perkataan “Orang Asli” merujuk kepada orang asal yang menduduki Semenanjung Malaysia sejak azali lagi.^[1] Definisi “Orang Asli” dalam seksyen 3 Akta Orang Asli 1954 memberi maksud sesiapa yang bapanya atau anak angkat yang menjalankan cara hidup, adat dan kepercayaan Orang Asli dan lazimnya bercakap bahasa “Orang Asli”. Identiti mereka tidak hilang walaupun mereka memegang agama lain selagi mengikuti cara hidup, adat dan kepercayaan Orang Asli.

Istilah Melayu “Orang Asal” diguna pakai oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) bagi mewakili masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan anak Negeri Sabah dan Sarawak.^[2] Penggunaan istilah tersebut adalah tepat walaupun masih menjadi debatan antara agensi-agensi kerajaan. Hal ini kerana, masyarakat Orang Asli diklasifikasikan sebagai “orang pertama” menurut asal-usul penempatan dan juga merupakan pengasas tanah dan penempatan Malaysia. Orang Asli diiktiraf sebagai masyarakat pribumi di bawah undang-undang Malaysia, namun begitu mereka masih menghadapi degradasi hak tanah mereka.

Terdapat tiga kumpulan utama Orang Asli iaitu Negrito, Senoi dan Proto-Melayu.^[3]

Tiada undang-undang yang khusus untuk hal-hal tanah Orang Asli. Kanun Tanah Negara 1965 tidak membincangkan tentang perkara-perkara yang melibatkan tanah Orang Asli. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan-peruntukan atau badan-badan berkanun yang melindungi hak-hak tanah Orang Asli serta mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang dihadapi oleh Orang Asli. Contohnya, Akta Orang Asli 1954 dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang bermatlamat menjaga kepentingan dan melindungi hak-hak Orang Asli serta Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu juga menyediakan *United Nations Declaration on the Rights of Indigeneous People* (UNDRIP) yang memberikan perhatian kepada hak-hak masyarakat pribumi termasuk Orang Asli.

Tanah milik Orang Asli terhakis dan berkurangan akibat pembinaan empangan bekalan air, empangan janakuasa elektrik dan pembinaan lebuhraya. Pembangunan kemudahan seperti berikut mengancam tanah mereka.^[4] Orang Asli perlu diiktirafkan hak mereka serta tanah-tanah milik mereka perlu dipelihara kerana mereka mempunyai hubungan yang istimewa bersama alam semulajadi serta tanah tersebut telah dipelihara dan diduduki mereka berabad-abad.

DISKRIMINASI TERHADAP HAK DAN TANAH ORANG ASLI

Kaum Orang Asli merupakan masyarakat pribumi negara. Orang pribumi di serantau dunia yang dikenali sebagai Orang Asli mempunyai adat dan bahasa berbeza mengikut kawasan geografi mereka. Namun mereka

berkongsi nasib yang sama iaitu diskriminasi hak, penyingkiran hak tanah, penafian budaya serta serangan fizikal dan dilayan sebagai warganegara kelas kedua. Mereka berdepan dengan risiko keganasan dan penderaan akibat usaha perjuangan hak tanah mereka. Isu-isu hak tanah Orang Asli di Malaysia bukannya perkara baru dan masih berterusan.^[5]

Perampasan Tanah Orang Asli

Orang Asli bertindak sebagai “pengawal” atau “penjaga” tanah mereka terutamanya bagi diwariskan kepada generasi akan datang. Kehilangan tanah tersebut bermakna kehilangan identiti mereka. Pada zaman dahulu, tuntutan hak Orang Asli terhadap tanah mereka tidak ditandingi oleh kaum lain kerana kawasan mereka dianggap tidak boleh diduduki dan jauh. Oleh hal yang demikian, Orang Asli dapat menggunakan tanah mereka secara mutlak tanpa kawalan. Keadaan berubah dengan kemunculan Raja-raja Melayu yang mendakwa mereka memiliki semua tanah yang terletak di bawah naungan mereka. Selepas itu, pengenalan sistem Torrens pada waktu penjajahan British mengukuhkan keadaan tersebut. Namun begitu, masyarakat Orang Asli tidak sama sekali berpindah daripada tanah pusaka mereka. Semasa penjajahan British iaitu pada tahun 1930an hingga 1950an, sebahagian daripada wilayah tradisional Orang Asli diwartakan sebagai tanah rizab Orang Asli.^[6]

Manakala, pada era ini, penempatan Orang Asli dimusnahkan bagi memberi laluan kepada projek-projek pembangunan seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), lebuh raya, institut-institut pengajian tinggi, dam, padang golf dan beberapa pembangunan swasta. Orang Asli tidak dibayar apa-apa bentuk pampasan bagi kehilangan tanah

mereka. Mereka diberi pampasan berdasarkan seksyen 11 dan 12 Akta Orang Asli 1954.^[7] Mana-mana pampasan menurut seksyen ini adalah atas budi bicara pihak berkuasa untuk membuat keputusan jumlah pampasan yang perlu dibayar kepada Orang Asli kerana tiada garis panduan bagi menetapkannya. Pampasan yang diberi hanya untuk kehilangan pokok produktif, bangunan atau apa-apa aktiviti atas tanah tersebut. Malangnya jumlah tersebut adalah kecil dan tidak mencukupi. Tanah-tanah tersebut mempunyai nilai yang besar kepada Orang Asli, kehilangan tanah tersebut menjadikan masa depan mereka tidak menentu kerana mereka tiada tanah-tanah alternatif atau kemahiran mengiatkan tanah lain.^[8]

Penafian Hak Orang Asli terhadap tanah

Tiada peruntukan yang memperuntukan hak kepada pemilikan tanah adat Orang Asli. Namun, Akta Orang Asli 1954 memperuntukkan kawasan Orang Asli dan tanah rizab Orang Asli yang diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.^[9] Begitu juga, seksyen 64 Kanun Tanah Negara 1965 membenarkan pembatalan mana-mana kawasan yang dirizab. Oleh itu, Orang Asli tidak mempunyai hak 'berkanun' terhadap tanah mereka.

Oleh hal yang demikian, Orang Asli sering dituduh menceroboh tanah kerajaan walaupun mereka telah lama menetap di kawasan itu. Kerajaan Malaysia enggan memperakui keputusan kes-kes terdahulu, di mana hak Orang Asli ke atas tanah diiktiraf oleh mahkamah sebagai hak milik yang sah dan boleh dikuatkuasa walaupun tanah tersebut tidak bergeran atau diwartakan oleh Kerajaan Negeri. Sebagai contoh, kes *Sagong Tasi & Ors v. Kerajaan Negeri Selangor & Ors*,^[10] mahkamah telah memutuskan bahawa walaupun tanah-tanah yang terlibat tidak diwartakan

sebagai tanah rizab Orang Asli boleh dianggap sebagai tanah milik atau rizab Orang Asli dengan hak yang sama atas alasan ia merupakan tanah yang diduduki dan aktiviti-aktiviti harian dijalankan atas tanah tersebut. Namun begitu, terdapat situasi yang tidak mengikuti keputusan kes tersebut. Orang Asli masih dianggap penceroboh tanah mereka sendiri. Jabatan Kemajuan Orang Asli menegaskan bahawa Orang Asli hanya sekadar menumpang tanah kerajaan kerana tiada pengesahan rasmi oleh kerajaan terhadap tanah mereka.

Orang Asli yang ditangkap polis atas tuduhan menceroboh tanah kerajaan adalah kes yang semakin meningkat. Pada 17 Disember 2012, dua orang Orang Asli dari Kampung Tanam, Rompin, Pahang telah ditangkap polis atas tuduhan mengganggu kontraktor yang sedang bekerja membersihkan tanah untuk satu projek kerajaan sedangkan tanah tersebut ialah sebahagian daripada tanah adat Orang Asli Kampung Tanam yang telah pun diusahakan dengan pelbagai tanaman. Selain itu, pada 14 Februari 2012, seramai enam orang Orang Asli Jakun dari Buluh Nipis, Pahang telah didakwa di mahkamah atas tuduhan memasuki Rizab Perhilitan dan ‘mengganggu’ pokok Keruwing. Kawasan ini adalah sebahagian daripada tanah dan wilayah adat mereka sejak berkurun-kurun. Atas kesalahan itu, lima daripada mereka didenda sebanyak RM8000 bagi setiap kesalahan dan seorang lagi dibebaskan dengan amaran kerana di bawah umur. Walau bagaimanapun, seorang lagi dibebaskan kerana telah membayar denda sebanyak RM16000 manakala empat orang lagi terpaksa menjalani hukuman selama tiga bulan kerana tidak mampu membayar denda. Keadaan-keadaan tersebut menunjukkan penindasan terhadap Orang Asli masih berlaku.

Kaum Orang Asli tidak lagi berdiam diri dan telah menyuarakan hak mereka melalui Persatuan Siswazah Orang Asli Semenanjung Malaysia (PSOA) yang telah menyoal tindakan kerajaan dalam membayar pampasan tidak membantu dan masih terdapat 60% tanah mereka belum mendapat pengiktirafan kerajaan.^[11] Salah seorang anggota PSOA, menjelaskan seksyen 14 Akta Orang Asli 1954 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan polis untuk mengusir dan menghalang orang-orang yang tidak diingini dan berniat jahat daripada memasuki kawasan Orang Asli. Perkataan “berniat jahat” perlu diberi interpretasi yang jelas supaya kelonggaran ini tidak disalahgunakan oleh pihak berkuasa.^[12] Sebagai contoh, suku kaum Orang Asli Jakun yang menetap di Taman Negara Endau-Rompin telah mendapat notis pengusiran oleh Pentadbir Tanah Daerah Mersing, hakikatnya Orang Asli telah lama menetap di kawasan tersebut. Mereka memohon mahkamah mengisytiharkan notis pengusiran itu sebagai tidak sah dan batal serta responden tidak berhak untuk mengurang, mengehad atau menghapuskan hak mereka terhadap Tanah Adat tersebut tanpa membayar pampasan sewajarnya. Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan mereka untuk menggantung perintah.

Diskriminasi hak Orang Asli bukannya perkara yang baharu, misalnya pada tahun 2007 gereja Orang Asli di Gua Musang telah dirobohkan oleh badan kerajaan atas alasan pembinaan gereja tersebut tidak mendapat keizinan Pejabat Tanah. Tindakan ini adalah tidak wajar kerana isu ini boleh diselesaikan dengan sebuah rundingan sebelum merobohkan gereja tersebut. Akhirnya, Mahkamah Tinggi Kota Bharu

memutuskan tindakan pihak berkuasa tersebut adalah menyalahi undang-undang.^[13]

Orang Asli masih ditindas akibat kekurangan pengetahuan mereka terhadap hak dan kedudukan mereka. Orang Asli tidak mempunyai bukti terhadap hartanah mereka serta dianggap sebagai orang luar tanah pusaka mereka sendiri. Pengiktirafan tanah Orang Asli adalah amat penting dan sudah tiba masanya bagi negara mengetahui dan menghormati budaya mereka.

KESAN-KESAN PENGAMBILAN TANAH ORANG ASLI

Konflik tanah Orang Asli telah menyebabkan hampir kesemua wilayah Orang Asli dicerobohi tanpa sebarang keizinan dan makluman. Pencerobohan ini secara langsung menafikan hak-hak mereka atas tanah sendiri. Bukan itu sahaja, penerokaan tanah mereka menyebabkan kemerosotan kualiti air kerana kawasan pencerobohan melibatkan kawasan tadahan air dan ulu sungai yang telah menyebabkan penyebaran penyakit-penyakit berjangkit seperti taun dan cirit-birit, terutamanya ketika musim hujan atau tengkujuh. Selain itu berlaku kemusnahan kawasan perburuan yang disebabkan oleh aktiviti pembalakan dan perladangan, kemusnahan kubur-kubur lama seperti yang berlaku di Kampung Lama Pos Wias, Gua Musang yang menjadi bukti-bukti pendudukan masyarakat Orang Asli setempat. Juga berlakunya kemusnahan oleh aktiviti perlombongan kuari di kawasan-kawasan tempat keramat dan beribadat yang menjadi tempat penyembahan oleh Komuniti Orang Asli Mendriq di kawasan Gua Musang. Selain itu, kemusnahan kawasan-kawasan pucuk-pucuk hutan yang

digunakan untuk tujuan budaya, sewang, perubatan tradisional dan sayuran hutan.^[14]

Sebagai tindak balas pencerobohan ke atas tanah mereka Orang Asli Semenanjung Malaysia telah membentuk Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia (POASM) yang menjadi instrumen untuk menyuarakan hak-hak dan persoalan Orang Asli dengan lebih kukuh. Pada tahun 2010, mereka telah mengadakan tunjuk perasaan secara besaran untuk melibatkan diri dalam politik melalui petisyen. Kejayaan besar mereka adalah membawa pertikaian ke mahkamah.

PERLINDUNGAN KE ATAS HAK TANAH ORANG ASLI

Sehingga hari ini, Orang Asli masih menghadapi ancaman yang besar atas kewujudan mereka sendiri akibat dasar kerajaan yang kurang sistematik. Kerajaan terus menafikan hak Orang Asli dan seringkali melaksanakan projek-projek yang mengeksploitasi tanah-tanah kediaman Orang Asli atas alasan pembangunan.^[15]

Perlindungan oleh Kerajaan Malaysia dalam Menangani Isu Hak Tanah Orang Asli

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia juga mempunyai undang-undang berkaitan Orang Asli dan hak-hak mereka seperti Akta Orang Asli 1954. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang munasabah bagi membincangkan isu hak tanah Orang Asli dengan niat memberikan pengiktirafan kepada hak tanah Orang Asli. Antara langkah yang diambil adalah penumpuan SUHAKAM dalam isu tanah Orang Asli dan penubuhan Jawatan Kuasa Khas Kabinet mengenai Hak Tanah Orang Asli.

Akta Orang Asli 1954

Akta Orang Asli 1954 diperkenalkan pada 25 Februari 1954 yang menjadi garis panduan dalam menentukan dasar-dasar kerajaan dalam pentadbiran komuniti Orang Asli. Seksyen 6 Akta Orang Asli 1954 memperuntukan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki oleh Orang Asli sebagai ‘kawasan Orang Asli’. Di mana dalam kawasan tersebut tidak akan ada tanah yang diisytiharkan sebagai Tanah Rizab Melayu, tidak boleh diberimilik atau dipajak kepada orang yang bukan Orang Asli dan tiada lesen pemungutan hasil hutan akan diberi untuk kawasan itu. Sekatan- sekatan ini adalah untuk memberi pemilikan sepenuhnya kepada Orang Asli. Walau bagaimanapun, seksyen 6(3) Akta Orang Asli 1954 menyebut PBN boleh membatalkan pengisytiharan kawasan Orang Asli ini. Peruntukan terakhir ini membuktikan kemudahan dan kebebasan yang diberikan kepada Orang Asli bukan untuk jangka masa yang panjang.

Pihak berkuasa boleh memberi hak untuk menduduki kepada Orang Asli. Dalam seksyen 8 Akta Orang Asli 1954 pihak berkuasa boleh memberi hak menduduki sesuatu kawasan hanya kepada individu Orang Asli ataupun anggota keluarga atau anggota masyarakat Orang Asli. Mereka tidak perlu membayar sewa dan diingatkan hak menduduki bukanlah hak milik atas tanah. Peruntukan ini amat mengecewakan kerana Orang Asli yang dirampas tanah ini tiada tempat tinggal dan terpaksa bergantung kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan sebahagian kawasan untuk menduduki. Sedangkan pihak berkuasa yang merampas tanah-tanah mereka dan kemungkinan besar tanah yang diberi untuk

menduduki tidak sesuai untuk cara hidup mereka. Padahal mereka bergantung sepenuhnya pada tanah dan sumber alam untuk mendapatkan makanan dan perubatan.

Di samping itu, seksyen 9 Akta Orang Asli 1954 menyatakan Orang Asli tiada kuasa memberimilik, memajak, mengadai atau melupuskan tanah mereka tanpa persetujuan Ketua Pengarah. Hal ini jelas menunjukkan Orang Asli hanya mempunyai nama sebagai ‘pemilik’ tetapi sebenarnya tiada sebarang kuasa dan kawalan ke atas tanah mereka.

Sementara itu, seksyen 12 Akta Orang Asli 1954 menggariskan pampasan yang perlu diberikan kepada Orang Asli berhubung tanah mereka. PBN perlu memberi pampasan kepada mereka di mana hak atas kawasan Orang Asli dibatalkan. Namun demikian, peruntukan ini menyatakan pampasan tersebut dibayar kepada Ketua Pengarah untuk disimpan olehnya sebagai suatu kumpulan wang am bagi orang itu atau bagi masyarakat Orang Asli itu sebagaimana yang diarahkan, dan untuk ditadbirkan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Menteri. Tindakan ini bukan cara yang baik kerana boleh berlaku penyalahgunaan kuasa dalam penggunaan dana tersebut.

Rumusannya, seksyen 6 hingga seksyen 15 Akta Orang Asli 1954 membincangkan dan menggariskan panduan tentang tanah Orang Asli. Walaupun Orang Asli mempunyai hak ke atas tanah akan tetapi hak mereka mempunyai batasan. Mereka tidak memiliki tanah mereka secara mutlak. Mereka hanya mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menduduki, mengawal dan menguruskan tanah mereka. Ini amat menyedihkan kerana Orang Asli

menetap di wilayah-wilayah mereka sebelum kemerdekaan lagi dan boleh dikatakan mereka telah menduduki tanah tersebut untuk beratusan tahun.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

SUHAKAM ditubuhkan oleh Parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. SUHAKAM berfungsi bagi menyiasat aduan berhubung dengan pelanggaran hak asasi manusia tertakluk kepada syarat yang dikenakan dalam seksyen 12 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Ia memberi kuasa kepada SUHAKAM memulakan penyiasatan sendiri tanpa perlu apa-apa aduan namun ia tidak berkuasa melaksanakan siasatan kepada perkara dalam prosiding mahkamah ataupun yang telah diputuskan mahkamah.

Sejak penubuhannya, SUHAKAM telah berhadapan dengan pelbagai aduan daripada Orang Asli berkaitan pelanggaran hak asasi mereka, speksifiknya berkaitan pencabulan hak mereka terhadap tanah adat mereka. Sehubungan dengan itu, SUHAKAM melaksanakan Inkuiri Nasional Hak Tanah Orang Asli di Malaysia pada setiap tahun. Laporan Inkuiri Nasional tersebut amat berfaedah kerana ia dapat menunjukkan permasalahan yang dihadapi oleh komuniti Orang Asli sehingga kini.^[16] Menurut Puan Hasmah bt Manaf, Pegawai Pendidikan dan Perhubungan Luar SUHAKAM, mereka akan melakukan kajian melalui lawatan ke perumahan Orang Asli dan membantu Orang Asli membuatkan laporan. Melalui kenyataan beliau, Orang Asli yang tinggal di pendalaman tidak mempunyai apa-apa hak ke atas tanah yang diduduki kerana tanah sekeliling kawasan perumahan mereka menjadi pemilikan orang lain.

Malah, mereka menetap di rumah-rumah yang kecil, buta huruf dan miskin.^[17]

Selain itu, sebuah pasukan petugas khas ditugaskan bagi mengkaji dalam Laporan Inkuiri 2013 mengenai Hak-Hak Orang Asli. Petugas-petugas tersebut telah menyediakan sebanyak 18 syor berkaitan tanah Orang Asli di bawah enam tema utama dengan beberapa tindakan untuk dilaksanakan bersama cadangan tindakan. Hal ini untuk membanteras ketidakadilan yang berlaku atas hak tanah Orang Asli. Tema pertama adalah pengiktirafan hak adat Orang Asli terhadap tanah. Pengiktirafan ini penting dalam melindungi dan mempertahankan hak tanah adat mereka dan ini haruslah dibuat selari dengan kemahuan Orang Asli. Tema syor-syor lain adalah tentang remedi bagi tanah yang hilang, langkah-langkah menangani isu-isu pembangunan tanah, tindakan mencegah kehilangan tanah adat Orang Asli di masa hadapan, tindakan menangani isu-isu pentadbiran tanah dan pengiktirafan tanah sebagai nadi kepada identiti Orang Asli.^[18]

SUHAKAM melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik terutamanya ia mementingkan dan mempertimbangkan keadaan Orang Asli yang kehilangan identiti dan tanah. Malangnya, walaupun SUHAKAM merupakan badan berkanun kuasanya adalah terbatas. Kewajipan SUHAKAM hanya adalah memberi laporan kepada Parlimen, membuat syor-syor kepada masalah berkenaan dan menasihati kerajaan dalam isu berkenaan, kerajaan tiada obligasi untuk menerima nasihat ataupun syor-syor yang dikemukakan oleh SUHAKAM. SUHAKAM juga tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang.^[19]

Kesimpulannya, SUHAKAM melaksanakan tugasnya dalam mempertahankan hak Orang Asli dengan mendengar permasalahan Orang Asli itu sendiri dan menerima serta menyalurkan aduan mereka, sebanyak 80 aduan pencerobohan ke tanah pusaka mereka telah diterima oleh SUHAKAM pada tahun 2016 sahaja. Badan ini perlulah ditingkatkan kuasa supaya tindakan boleh diambil dalam pelanggaran hak Orang Asli tanpa perlu bergantung pada badan kerajaan. SUHAKAM juga memastikan Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asal (*United Nations Declaration on the Rights of Indigenous People*) (UNDRIP) diguna pakai dan juga mencadangkan kerajaan agar menerima *International Covenant on Civil and Political Rights* (ICCPR) dan *International Convention on the Elimination of all Forms of Racial Discrimination* (ICERD).

Jawatan Kuasa Khas mengenai Hak Tanah Orang Asli

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memastikan kesemua 50 syor-syor yang dikemukakan oleh SUHAKAM dalam laporan inkuiri tersebut dapat dilaksanakan.^[20] Penubuhan jawatankuasa ini adalah inisiatif yang terbaik kerana ia bertekad untuk mengambil tindakan pengiktirafan tanah Orang Asli dan melindungi hak-hak mereka ke atas tanah. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang mempengerusikan jawatankuasa ini. Jawatan kuasa ini akan memastikan kerjasama antara kementerian, jabatan agensi kerajaan Persekutuan bersama kerajaan Negeri berhubung cadangan-cadangan oleh pasukan petugas tersebut.^[21]

Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, Jawatankuasa Khas Kabinet telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja yang dipengerusikan oleh

YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.^[22] Jawatankuasa Kerja tersebut akan menjadi platform untuk menengahkan pandangan kolektif dan amalan beberapa kerajaan negeri mengenai isu-isu kepentingan bersama agar dapat mencari penyelesaian yang praktikal dalam menangani cabaran kerajaan Negeri.^[23]

Walau bagaimanapun, adalah terlalu awal untuk menentukan sama ada jawatankuasa ini telah mencapai objektifnya kerana jawatankuasa tersebut baru ditubuhkan. Pembentukan jawatankuasa ini cukup menunjukkan keprihatinan kerajaan tentang isu hak tanah Orang Asli. Selain itu, jawatankuasa ini dipengerusikan oleh ahli kabinet iaitu Timbalan Perdana Menteri sendiri semestinya tidak akan berlaku perampasan kuasa oleh badan lain. Bukan itu sahaja, Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai hak tanah Orang Asli ini merupakan badan kerajaan yang pertama membincangkan khas tentang tanah Orang Asli.

Perlindungan Hak Tanah Orang Asli melalui Undang-undang Antarabangsa yang Diterima Pakai di Malaysia

Secara globalisasi, hak-hak tanah Orang Asli diiktiraf dalam undang-undang dan konvensyen antarabangsa kerana mereka kerap menjadi mangsa diskriminasi. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mempunyai bahagian khas untuk membincangkan isu-isu Orang Asli. *Division for Social Policy and Development Agency for Indigenous People* bermatlamat memelihara hak dan menjadi suara bagi Orang Asli di seluruh dunia. Salah satu undang-undang yang diterima pakai adalah Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Asal (*United Nations Declaration on the Rights of Indigeneous People*)(UNDRIP) pada tahun

2007 yang menggalakkan pertahanan kedudukan dan hak-hak Orang Asli. Negara-negara dalam PBB menratifikasikan UNDRIP, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah menratifikasi undang-undang ini. Oleh hal yang demikian, Malaysia perlu mematuhi peruntukan-perutukkan dalam UNDRIP.

PBB bersama negara-negara ahli kini mengiktiraf bahawa langkah-langkah khas diperlukan untuk melindungi hak-hak Orang Asli. Sebuah bahagian khas, *Division for Social Policy and Development Indigenous People* ditubuhkan dalam PBB bagi membincangkan tentang masalah sosial dan perlindungan yang perlu diberikan dalam usaha pembangunan Orang Asli tersebut. Terdapat beberapa langkah yang dilaksanakan oleh PBB dalam membincangkan isu hak Orang Asli. Contohnya, *World Conference, Expert General Meeting, Agenda 2030, ILO Convention No.169* dan lain-lain lagi. Semua instrumen ini adalah dalam bentuk konvensyen, persidangan dan forum.

Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asal (*United Nations Declaration on the Rights of Indigeneous People*) (UNDRIP)

UNDRIP diguna pakai dalam Perhimpunan Agung PBB pada 13 September 2007. Pengisytiharan UNDRIP ini memberi keutamaan kepada hak-hak Orang Asli dan juga kepada isu-isu Orang Asli yang mungkin akan berlaku pada masa depan. Penggunaan instrument undang-undang ini membuktikan bahawa negara-negara yang menratifikasikan UNDRIP terlibat dalam usaha melindungi hak-hak Orang Asli secara individu dan kolektif. Malaysia merupakan salah sebuah daripada 144 buah negara yang

telah menratifikasikan deklarasi ini. Deklarasi inilah satu-satunya yang diratifikasi secara sepenuhnya oleh Malaysia. Pada tahun ini PBB telah menyambut ulang tahun kesepuluh penerimapaakaan UNDRIP.^[24]

Artikel 2^[25] UNDRIP menyatakan Orang Asli mempunyai hak yang sama rata dengan individu-individu lain. Mereka tidak boleh didiskriminasi kerana mereka mempunyai kebebasan untuk mengamalkan hak-hak mereka. Mereka mempunyai hak untuk membuat pilihan sendiri, contohnya, dalam menentukan status politik dan meneruskan pembangunan ekonomi, sosial dan budaya mereka. Peruntukan-peruntukan ini menunjukkan Orang Asli wajar diberikan kebebasan yang dinikmati oleh warganegara lain kerana mereka juga mempunyai hak kewarganegaraan seperti yang termaktub dalam Artikel 6 UNDRIP, “setiap Orang Asal mempunyai hak untuk kewarganegaraan.” Di samping itu, Artikel 10 UNDRIP melarang sebarang bentuk pemindahan secara paksa kepada Orang Asli daripada tanah atau wilayah mereka. Jikalau tanah mereka diambil, pampasan perlu diberi secara adil dan saksama dengan persetujuan mereka.^[26] Artikel 11 UNDRIP melindungi hak untuk mengamalkan dan meneruskan tradisi serta adat resam Orang Asli termasuklah melindungi kawasan-kawasan warisan mereka.^[27]

Seterusnya, Artikel 25 UNDRIP memperuntukan hak Orang Asli untuk mengekalkan dan mengukuhkan hubungan rohani dengan tanah dan alam sekeliling mereka yang digunakan secara tradisional.^[28] Artikel 26 UNDRIP amat penting kerana ia memperuntukan hak Orang Asli terhadap tanah dan sumber yang dimiliki dan diduduki mereka secara tradisi. Artikel ini juga menyebut Orang Asli berhak memiliki, mengguna dan mengawal

tanah yang mereka miliki atas dasar pemilikan tradisi atau penempatan atau kegunaan tradisi. Negara-negara perlu memberi pengiktirafan dan perlindungan ke atas tanah-tanah mereka dengan memberi penghormatan yang wajar ke atas sistem pemegangan tanah Orang Asli.^[29] Pihak kerajaan wajar mengiktirafkan adat resam, tradisi dan sistem pemilikan tanah Orang Asli kerana mereka juga mempunyai hak terhadap tanah mereka. Bukan itu sahaja, pihak berkuasa perlu sedar akan hubungan rohani antara Orang Asli dengan tanah mereka daripada mengeksploitasikan tanah tersebut. Jika ketidakadilan berlaku terhadap Orang Asli dalam hal tanah, mereka boleh menuntut ganti rugi. Mereka boleh meminta pengembalian tanah atau pampasan yang adil ke atas tanah yang telah dirampas daripada Orang Asli.^[30] Pihak berkuasa perlulah memberi remedi akibat perampasan dan pencerobohan tanah mereka dengan mengembalikan tanah atau pampasan jika tanah tersebut telah dimusnahkan sepenuhnya.

Tambahan pula, peruntukan dalam UNDRIP menyebut Orang Asli berhak mempertahankan, melindungi dan mengawal sumber-sumber alam sekeliling mereka. Contohnya, sumber genetik manusia dan sumber alam, benih, perubatan dan pengetahuan tentang flora dan fauna. Ini membuktikan pihak berkuasa tidak boleh mengambil tindakan bahawa Orang Asli meneroka sumber hutan tanpa kebenaran kerana ini adalah cara hidup mereka. Oleh itu, kerajaan mesti mengambil inisiatif untuk mengiktiraf dan melindungi amalan hak-hak ini.^[31]

Sehubungan dengan itu, Artikel 32 UNDRIP menyatakan Orang Asli mempunyai hak untuk menentukan dan membangunkan keutamaan dan strategi untuk pembangunan atau penggunaan tanah dan sumber mereka.

Negara-negara mestilah berunding dengan wakil-wakil Orang Asli sebelum membuat keputusan atau meluluskan projek pembangunan. Pihak kerajaan harus bekerjasama dengan wakil-wakil Orang Asli supaya projek pembangunan yang akan dilakukan serata dengan keinginan Orang Asli.

Kesimpulannya, penerimaan UNDRIP di Malaysia telah meningkatkan taraf hidup Orang Asli. Deklarasi ini menegaskan Orang Asli mengamalkan hak-hak mereka dan harus bebas daripada sebarang diskriminasi. Orang Asli tidak harus dipandang rendah kerana mereka juga sama taraf dengan orang lain sebagai warganegara Malaysia.

International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR)

ICCPR merupakan perjanjian pelbagai hala yang diterima pakai dalam Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu pada 16 Disember 1966 dan berkuat kuasa pada 23 Mac 1976. ICCPR dipantau oleh Jawatankuasa Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Asasi Manusia yang mengkaji laporan-laporan daripada negara terlibat tentang kaedah hak-hak asasi dijalankan. Konvesyen ini menghormati hak-hak sivil dan politik individu termasuk hak untuk hidup, kebebasan beragama, kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun dan hak pilihanraya.

Sehubungan itu, Artikel 27 ICCPR melindungi hak minoriti terutamanya hak-hak Orang Asli mengekalkan budaya mereka berkenaan tanah dan sumber alam.^[32] Jawatankuasa Hak Asasi Manusia PBB telah mentafsirkan Artikel 27 ICCPR menjadi perkara asas dalam tuntutan tanah adat dan sumber alam. Sebagai contoh, Kanada merupakan salah sebuah negara yang telah menratifikasikan ICCPR. Kes dari Kanada, *Ominiyak v.*

Canada^[33] mendapati kerajaan Kanada telah melanggar Artikel 27 ICCPR dengan membenarkan kerajaan wilayah Alberta untuk memberi pajakan untuk penerokaan minyak dan gas serta untuk pembangunan kayu dalam wilayah Orang Asli di wilayah Lubicon Lake Band of Cree kerana ia mengganggu sumber ekonomi Orang Asli yang didapati daripada tanah mereka.^[34] Melihat kepada keputusan kes tersebut, tidak dapat dinafikan bahawa ICCPR mempunyai kuasa yang tinggi dalam sistem perundangan sesebuah negara yang menratifikasinya. Dalam kes tersebut, kesukaran Orang Asli untuk mencari rezeki akibat kemusnahan tanah dilihat serius dan secara prihatin.

Malaysia merupakan antara pihak yang tidak menerima atau menandatangani ICCPR. Penulis mendapati ICCPR mempunyai autoriti yang tinggi dalam menjaga kebebasan Orang Asli untuk menduduki dan menjalankan aktiviti atas tanah mereka. Menratifikasikan undang-undang ini dapat membanteras kuasa mutlak badan-badan kerajaan yang merampas tanah Orang Asli dengan tidak adil.

International Convention on the Elimination of all Forms of Racial Discrimination (ICERD)

ICERD pula bertujuan menghapuskan diskriminasi kaum dan memupuk kesefahaman dalam kalangan kaum.^[35] Konvesyen ini diterima dan dibuka untuk tandatangan oleh PBB pada 21 Disember 1965 dan mula berkuat kuasa pada 4 Januari 1969. Sehingga Oktober 2015, ia mempunyai 177 negara sebagai pihak.^[36] Namun begitu, Malaysia tidak menratifikasi konvesyen ini.

ICERD bukan hanya membincangkan tentang isu perkauman akan tetapi ia juga mempertahankan hak-hak Orang Asli terhadap tanah dan sumber semulajadi mereka. Artikel 5 ICERD memperuntukan semua mempunyai hak kebebasan daripada diskriminasi dan hak kesamarataan di sisi undang-undang serta hak memiliki harta.^[37] Peruntukan ini mengiktiraf kebebasan Orang Asli untuk bersuara dan menyatakan pendapat serta kebebasan untuk berhimpun. Peruntukan tersebut adalah *pari materia* dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.^[38]

Oleh hal yang demikian adalah tidak menjadi masalah untuk Malaysia mengadaptasikan konvesyen ini kerana ia tidak bertentangan dengan Perlembagaan. Jawatankuasa ICERD dalam Cadangan Umum ke-23 PBB telah menyeru agar setiap negara dalam PBB mengiktiraf dan melindungi hak-hak Orang Asli dalam memiliki, membangun, mengawal dan mengguna tanah-tanah dan sumber alam sekelilingan mereka dengan bebas dengan menratifikasikan ICERD.^[39]

Penerimaan ICERD oleh Malaysia secara langsung dapat menekankan kewajipan badan kerajaan dan masyarakat dalam memastikan Orang Asli tidak dicabuli hak kebebasan mereka. ICERD menekankan hak untuk warisan Orang Asli dan ini bermakna mereka mempunyai hak untuk mewarisi tanah-tanah pusaka mereka.

CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Penulis berpendapat bahawa Malaysia haruslah menratifikasikan perundangan yang ditubuhkan oleh PBB. Selain UNDRIP, kerajaan Malaysia perlulah meratifikasikan ICCPR dan ICERD kerana mengikuti

UNDRIP sahaja tidak mencukupi dalam menentukan persoalan-persoalan yang tidak dapat dijawab oleh undang-undang Malaysia dan UNDRIP. Contohnya, ICCPR melindungi undang-undang adat Orang Asli termasuk sistem pegangan tanah yang tradisi mereka.

Selain itu, penulis juga mencadangkan beberapa pindaan kepada akta-akta undang-undang Malaysia dalam mengukuhkan kedudukan Orang Asli dan tanah mereka. Akta Orang Asli 1954 perlu dipinda dengan memasukkan takrifan “Orang Asli”, “kawasan Orang Asli”, “tanah adat Orang Asli” dan pembahagian harta pusaka mereka dengan mengambil kira kepuasan Orang Asli. Maksudnya, cadangan-cadangan Orang Asli dan persetujuan mereka perlu diberi perhatian sebelum meminda akta ini. Selain itu, Kanun Tanah Negara 1965 juga perlu dipinda dengan memasukkan peruntukan mengenai tanah Orang Asli kerana akta ini tidak menyentuh mengenai Orang Asli dan pemilikan tanah mereka.

Selanjutnya, diskriminasi hak Orang Asli ke atas tanah mereka berlaku akibat kekurangan pengetahuan tentang hak mereka sendiri yang termeterai dalam undang-undang Malaysia. Penulis percaya bahawa masalah ini dapat diselesaikan melalui pendidikan. Melalui sistem pengajaran dan pembelajaran, hak-hak Orang Asli serta sejarah dan kedudukan identiti perlu diajar, misalnya dalam Pendidikan Sivik dan Pendidikan Moral. Dengan cara ini, kebudayaan dan identiti Orang Asli dapat dihargai. Sehingga kini, empat buah Institut Perguruan (IPG) khas untuk Orang Asli dengan pengambilan sebanyak 25 pelajar setiap tahun dan 93 buah sekolah didirikan untuk pelajar-pelajar daripada suku kaum

Orang Asli.^[40] Ini merupakan langkah yang efektif dalam meningkatkan kesedaran pengetahuan Orang Asli tentang hak-hak mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan bahawa badan-badan berkuasa prihatin terhadap kedudukan Orang Asli dan permasalahan mereka. Badan-badan berkuasa seperti Kerajaan Malaysia dan juga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melakukan kewajipan dengan mengambil tindakan yang munasabah dalam mempertahankan hak tanah Orang Asli. Akan tetapi usaha Kerajaan Malaysia harus ditingkatkan dalam melindungi hak-hak Orang Asli ke atas tanah mereka. Perlindungan-perlindungan yang disediakan khas untuk Orang Asli diharapkan dapat melindungi hak Orang Asli dan tanah-tanah mereka.

* Pelajar, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

** Ph.D, Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, mazliza@ukm.edu.my.

Nota penghujung:

[1] Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), 2013 pg 11.

[2] Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), 2013 hlm. 11.

[3] Indigenous People in Malaysia, International Work Group For Indigeneous Affairs, <http://www.iwgia.org/regions/asia/malaysia>.

[4] Konvesyen Tanah dan Akta Orang Asli Semenanjung Malaysia.

[5] <https://www.amnesty.org/en/what-we-do/indigenous-peoples/>.

[6] Anuar Alias, *An Acquisition Of Orang Asli Native Land In Malaysia Perceptions and Challenges In Quantifying of the Compensation*, Department of Estate Management Faculty of the Built Environment, University of Malaya, 2007, hlm. 5.

[7] Seksyen 11 Akta Orang Asli (Akta 134). Pampasan atas pemberian hakmilik tanah Kerajaan yang di atasnya tumbuh pokok buah-buahan atau pokok getah:- (1) Jika sesuatu masyarakat Orang Asli membuktikan suatu tuntutan terhadap pokok buah-buahan atau pokok getah di atas mana-mana tanah Kerajaan yang diberi milik, diberikan, dipajakkan bagi apa-apa maksud, diduduki buat sementara waktu di bawah lesen atau selamanya dilupuskan, maka pampasan sedemikian rupa hendaklah dibayar kepada masyarakat Orang Asli itu sebagaimana yang didapati adil oleh Pihak Berkuasa Negeri. (2) Apa-apa pampasan yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) boleh dibayar mengikut seksyen 12 Akta Orang Asli (Akta 134); Seksyen 12. Pampasan. Jika mana-mana tanah disingkirkan daripada mana-mana kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli atau jika mana-mana tanah di dalam mana-mana kawasan Orang Asli diberikan hakmilik, diberikan, dipajakkan bagi apa-apa maksud atau selainnya dilupuskan, atau jika apa-apa hak atau keistimewaan di dalam mana-mana kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli yang diberikan kepada mana-mana Orang Asli atau masyarakat Orang Asli dibatalkan keseluruhannya atau sebahagiannya, Pihak Berkuasa Negeri boleh memberikan pampasan baginya dan boleh membayar pampasan itu kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepadanya atau boleh, jika difikirkannya patut, membayar pampasan itu kepada Ketua Pengarah untuk disimpan olehnya sebagai suatu kumpulan wang am bagi orang itu atau bagi masyarakat Orang Asli itu sebagaimana yang diarahkan, dan untuk ditadbirkan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Menteri.

[⁸] Anuar Alias, *An Acquisition of Orang Asli Native Land in Malaysia: Perceptions and Challenges in Quantifying of the Compensation*, Department of Estate Management Faculty of the Built Environment, University of Malaya, 2007, hlm. 6.

[⁹] Seksyen 6 Akta Orang Asli (Akta 134); (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki kebanyakannya atau hanya oleh Orang Asli, yang belum lagi diisytiharkan sebagai rizab Orang Asli di bawah seksyen 7, sebagai suatu kawasan Orang Asli dan boleh mengisytiharkan kawasan itu untuk dibahagikan kepada satu kanton Orang Asli atau lebih; Seksyen 7 Akta Orang Asli (Akta 134). Rizab Orang Asli. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki hanya oleh Orang Asli sebagai suatu rizab Orang Asli.

[¹⁰] [2002] 2 MLJ 591.

[¹¹] Salhan K Ahmad, “*Isu Tanah: Orang Asli masih ditipu*”, *Malaysiakini*, 7 Mac 2010.

[¹²] Seksyen 14 Akta Orang Asli (Akta 134). Orang dilarang masuk ke kawasan Orang Asli dan rizab Orang Asli. (1) Menteri boleh, jika dia berpuas hati bahawa dengan mengambil kira pentadbiran sepatutnya kebajikan Orang Asli dalam mana-mana kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli atau tempat yang diduduki oleh Orang Asli, adalah perlu supaya mana-mana orang atau golongan orang patut dilarang daripada memasuki atau berada dalam kawasan, rizab atau tempat itu, membuat suatu perintah bagi maksud itu dalam bentuk yang ditetapkan dalam Jadual.

[¹³] Hafiz Yatim, “*Court: Demolition of Church Unlawful*”, *Malaysiakini*, 15 Jun 2009.

[¹⁴] Memorandum Pengaduan Berhubung isu-isu Pencerobohan Tanah dan Pendidikan yang dihadapi oleh Komuniti Orang Asli ulu/pendalaman Kelantan, 20 September 2016, hlm. 3-4.

[15] Noor ‘Ashikin Binti Hamid Noraida Binti Harun Nazli Bin Ismail @ Nawang, *Pengambilan Tanah bagi Pembangunan Ekonomi: Isu dan Penyelesaian, Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 2011, hlm. 140.

[16] Portal Rasmi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia; <http://www.suhakam.org.my/ms/indigenous-people/>.

[17] Temu Bual bersama Puan Hasmah Abdul Manaf, Pegawai Pendidikan dan Perhubungan Awam, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Fakulti Undang-Undang UKM Bangi, 14 Mei 2017.

[18] Ringkasan Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli, 2013, hlm. 12.

[19] Syahredzan Johan, “*Peranan Penting SUHAKAM*”, Sinar Online, 12 Disember 2016.

[20] Khairil Asyraf, “*Kerajaan wujudkan Jawatankuasa Kabinet Hak Tanah Orang Asli*”, FMT News, 21 Mac 2017.

[21] Admin MH Online, “*Jawatankuasa Kerja Pastikan 50 Syor Hak Tanah Orang Asli Dilaksanakan*”, MH Online, 7 April 2016.

[22] Admin, “*Jawatankuasa Kerja Pastikan 50 Syor Hak Tanah Orang Asal/Asli Dilaksanakan-Ahmad Zahid*”, Bernama Plus, 7 April 2016.

[23] Kenyataan Media Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli, 7 April 2016.

[24] Tom Fennario, “*UNDRIP turns 10 this year, Celebration at United Nations in New York*”, APTN National News, 25 April 2017.

[25] Artikel 2 UNDRIP; “Individu dan komuniti Orang Asal adalah bebas dan sama rata dengan manusia dan individu lain, dan mempunyai hak untuk bebas dari sebarang

bentuk diskriminasi, dalam mengamalkan hak-hak mereka, khususnya yang berdasarkan atas asal usul atau jati diri mereka.”

[26] Artikel 10 UNDRIP; “Orang Asal tidak boleh dipindahkan secara paksa daripada tanah atau wilayah mereka. Tidak boleh ada penempatan semula boleh berlaku tanpa persetujuan, bebas dan telus dari Orang Asal yang terlibat, dan selepas persetujuan dalam memperoleh pampasan yang adil dan saksama, di mana yang mungkin pilihan untuk kembali ke tempat asal tersebut.”

[27] Artikel 11 UNDRIP; “Orang Asal mempunyai hak untuk mengamalkan dan menggiatkan semula tradisi budaya dan adatresam mereka. Ini termasuk hak untuk mempertahankan, melindungi, dan mengembangkan kebudayaan mereka di masa lalu, kini dan manifestasi yang akan datang, seperti tapak arkeologi dan sejarah, artifak-artifak, reka bentuk, upacara-upacara, teknologi, seni visual dan seni persembahan dan kesusasteraan.”

[28] Artikel 25 UNDRIP; “Orang Asal mempunyai hak untuk mempertahankan dan memperkuat hubungan kerohanian yang tersendiri dengan tanah, wilayah, air dan pesisir pantai serta sumber daya yang lainnya, yang diduduki dan digunakan secara tradisional, dan untuk mendukung tanggungjawab mereka kepada generasi akan datang dalam perkara ini.”

[29] Artikel 26 UNDRIP; (1). “Orang Asal mempunyai hak atas tanah, wilayah dan sumber yang dimiliki atau diduduki oleh mereka secara tradisional atau digunakan atau diperolehi. (2). Orang Asal berhak untuk memiliki, menggunakan, membangunkan dan mengawal tanah, wilayah dan sumber yang dimiliki atas dasar pemilikan tradisi atau penempatan atau kegunaan tradisi dan juga yang diperolehi. (3) Negara-negara akan memberi pengiktirafan dan perlindungan undang-undang ke atas tanah, wilayah dan sumber tersebut. Pengiktirafan tersebut harus dikendalikan dengan memberi penghormatan sewajarnya ke atas adat resam, tradisi dan sistem pemegangan tanah Orang Asal yang berkenaan.”

[30] Artikel 28(1) UNDRIP; “Orang Asal berhak untuk menebus rugi, dengan yang melibatkan pengembalian atau, jika ini tidak dapat dilakukan pampasan yang patut, adil dan saksama, atas tanah, wilayah dan sumber yang telah dimiliki secara tradisional atau yang diduduki atau digunakan, dan yang telah dirampas, diambil alih, dikuasai, digunakan atau dirosakkan tanpa persetujuan, bebas dan telus dari mereka.”

[31] Artikel 31 UNDRIP; “Orang asal mempunyai hak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan warisan kebudayaan, pengetahuan tradisional dan ekspresi kebudayaan tradisional mereka, di samping manifestasi sains, teknologi dan budaya mereka, termasuk sumber genetik manusia dan sumber alam, benih, perubatan, pengetahuan berkenaan kekayaan flora dan fauna, tradisi lisan, kesusasteraan, rekabentuk, sukan dan permainan tradisi dan seni visual dan persembahan. Mereka juga berhak untuk mempertahankan, mengawal, melindungi dan membangunkan harta intelek ke atas warisan kebudayaan, pengetahuan tradisional, dan ekspresi budaya tradisi mereka.”

[32] Article 27 ICCPR; “*In those States in which ethnic, religious or linguistic minorities exist, persons belonging to such minorities shall not be denied the right, in community with the other members of their group, to enjoy their own culture, to profess and practise their own religion, or to use their own language*”.

[33] *Lubicon Lake Band v. Canada*, Communication No. 167/1984 (26 March 1990), U.N. Doc. Supp. No. 40 (A/45/40) at 1 (1990).

[34] Birgitte Feiring 2013. “*Indigenous peoples’ rights to lands, territories and resources*”. ILC, Rome. hlm.24.

[35] Artikel 2(1) ICERD; “*States Parties condemn racial discrimination and undertake to pursue by all appropriate means and without delay a policy of eliminating racial discrimination in all its forms and promoting understanding among all races, and, to this end*”.

[36] “*Parties to the International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination*”. United Nations Treaty Collection. Archived from the original on 11 February 2011. Retrieved 8 October 2009.

[37] Artikel 5 ICERD: A) Hak untuk layanan yang sama rata di hadapan tribunal dan semua organisasi lain yang mentadbirkan keadilan; (B) Hak untuk keselamatan diri dan perlindungan oleh Negara terhadap keganasan atau kecederaan, sama ada dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan atau oleh mana-mana kumpulan individu atau institusi; (C) hak-hak politik, khususnya hak untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya-mengundi dan bertanding dalam pilihan raya, dasar sejagat dan sama rata, untuk mengambil bahagian dalam kerajaan dan juga dalam menjalankan hal ehwal awam di mana-mana peringkat dan mempunyai peluang samarata kepada perkhidmatan awam; (D) hak-hak sivil lain.

[38] Perkara 10 Perlembagaan persekutuan; (1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)— (a) tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara; 25 Undang-Undang Malaysia (b) semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata.

[39] Birgitte Feiring 2013. “*Indigenous peoples’ Rights to Lands, Territories and Resources*”. ILC, Rome. hlm. 24.

[40] Temu Bual bersama Puan Hasmah Abdul Manaf, Pegawai Pendidikan dan Perhubungan Awam, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Fakulti Undang-Undang UKM Bangi, 14 Mei 2017.